

01/02/2001

Umno sedia bincang perpaduan nasional

Zulkofli Jamaludin; Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Rabu - Umno bersedia membincangkan mengenai perpaduan nasional dalam pertemuan di antara pemimpin Umno dan Pas, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Bagaimanapun, Timbalan Perdana Menteri berkata, kedua-dua pemimpin perlu berjumpa terlebih dahulu untuk membincangkan mengenai perpaduan Melayu dan pendekatan yang boleh digunakan.

"Kita tidak tolak. Yang penting kedua-dua pemimpin perlu berjumpa. Kita tidak akan membantah untuk membincangkan perkara itu (perpaduan nasional) kerana ia adalah hak dia (Pas)," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Pengurusan Umno, di sini hari ini.

Mesyuarat lebih dua jam itu turut dihadiri ketiga-tiga Naib Presiden - Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tan Sri Muhammad Muhd Taib; Setiausaha Agung, Tan Sri Khalil Yaakob; Ketua Penerangan, Datuk Mustapa Mohamad dan Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein.

Abdullah yang juga Timbalan Presiden Umno berkata, Khalil akan mengadakan pertemuan dengan Setiausaha Agung Pas, Nasharuddin Mat Isa, minggu depan.

Dalam pertemuan itu katanya, kedua-dua setiausaha agung akan membincangkan mengenai perkara teknikal, termasuk tempat dan tarikh pertemuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor.

Beliau berkata, selepas pertemuan itu mereka akan merujuk semula hasil pertemuan berkenaan kepada pemimpin masing-masing.

Abdullah berkata, Pendaftar Pertubuhan (ROS) hari ini meluluskan pindaan Perlembagaan Umno, November lalu dan perlembagaan baru itu boleh digunakan pada mesyuarat cawangan dan bahagian.

"Perlembagaan yang diluluskan oleh ROS itu akan digunakan pada mesyuarat cawangan, bahagian dan perhimpunan agung akan datang," katanya.

Mengenai mesyuarat cawangan yang bermula dari 1 hingga 31 Mac depan, beliau berkata semua ahli perlu mengguna pakai senarai daftar ahli yang disahkan oleh ibu pejabat Umno.

Ditanya mengenai artikel disiarkan dalam umno.online yang membidas media kerana menyiarkan terlalu banyak filem asing ketika perayaan lalu, beliau berkata laporan itu adalah pandangan editorial.

"Majlis Tertinggi tidak pernah membincangkan perkara itu," katanya ketika mengulas mengenai laporan yang menyatakan terlalu banyak filem Hindustan dan Cina disiarkan ketika Hari Raya dan Tahun Baru Cina.

(END)